

23/05/2000

Kemudahan asas Felda Selancar tidak lancar

Nazmir Ikmal Najibudin Azmi

SAYA adalah seorang anak peneroka Felda Selancar yang terletak di Pahang Tenggara. Boleh dikatakan saya dilahirkan bersama tertubuhnya Felda ini. Saya terus membesar dalam suasana kampung terancang ini yang sudah lebih 20 tahun. Penduduk kampung sepatutnya menikmati kemudahan yang sepatutnya seperti bekalan elektrik dua puluh empat jam, bekalan air dan juga telefon. Tetapi, kemudahan yang disediakan masih tidak menyeluruh.

Inilah masalah yang mahu saya ketengahkan. Kami mula menerima kemudahan telefon sejak 1994 yang dikatakan sebagai pemasangan pertama. Pemasangan kedua sepatutnya dijalankan pada tahun berikutnya. Malangnya sehingga sekarang harapan hanya tinggal harapan. Baru-baru ini, pemasangan secara intensif giat dijalankan. Kerja pemasangan kabel bawah tanah dapat diperhatikan dengan penggalian lubang di sepanjang jalan memasuki kampung ini. Kononnya kami akan dapat menikmati kemudahan itu sebelum akhir tahun lalu. Malangnya pemasangan itu tidak dapat disiapkan seperti yang dijanjikan. Kini, kerja berkenaan terhenti.

Beberapa tahun dulu saya pernah terbaca di akhbar mengenai aduan yang sama diajukan. Sayangnya aduan itu hanya sebagai penyeri di dada akhbar kerana tiada tindakan susulan dijalankan. Saya sendiri tidak tahu pihak mana sepatutnya dipersalahkan. Kalau kegawatan ekonomi menjadi penyebab, boleh dikatakan masalah itu hampir pulih sepenuhnya. Apa yang lebih dikesalkan kerana sesekali pulang ke kampung seolah-olah perhubungan dengan dunia luar tersekat.

Apabila berada di luar pun, susah untuk berhubung dengan keluarga di rumah untuk bertanya khabar. Saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kita sanjungi untuk menghadapi era globalisasi dan "Dunia Tanpa Sempadan" tidak dapat dilaksanakan di sini. Sasaran Internet setiap rumah menjadi sia-sia. Pihak Telekom sendiri mengiklankan seorang isteri dapat berhubung secara terus dengan suami yang berada di angkasa lepas. Walaupun itu hanya `suatu hari nanti', dapatkah terlaksana kalau yang di bumi masih tak dapat dihubungi. Benarkah pihak Telekom akan `sentiasa bersamamu'? Sedih melihat iklan yang sebegitu diiklankan di kaca TV.